

04 MAY 2003

Cuepacs-Mahathir

CUEPACS SAMBUT BAIK PANDANGAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Cuepacs bersetuju dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kakitangan awam lebih memikirkan tentang kepuasan bekerja dan sumbangan mereka kepada pembangunan negara daripada soal imbuan atau gaji.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam berkata kesatuan sekerja perlu menjadi lebih bertanggungjawab dan menumpukan perhatian untuk meningkatkan produktiviti dan mutu kerja dalam membantu negara menghadapi pelbagai cabaran masa kini.

Beliauy memberitahu Bernama bahawa dalam tempoh enam tahun yang lepas, Cuepacs telah memainkan peranan positif dan menumpukan perhatian kepada isu-isu lain selain daripada tuntutan gaji.

"Kita tidak harus menjadi golongan yang hanya mahu menerima sahaja tetapi tidak tahu untuk memberi," katanya bagi mengulas kenyataan Dr Mahathir dalam satu temu bual eksklusif dengan majalah rasmi perkhidmatan awam, "Khidmat", yang meminta kakitangan awam supaya tidak sentiasa menuntut kenaikan gaji.

Siva berkata perkhidmatan cemerlang oleh semua pihak harus menjadi agenda utama, sama ada bagi pihak majikan atau pihak kesatuan, kerana ia dapat membantu membangunkan negara.

Beliau berkata pandangan Perdana Menteri mengenai perkhidmatan awam akan dimaklumkan kepada semua kesatuan sekerja sektor awam, dan akan dijadikan agenda utama dalam perhimpunan Cuepacs bagi menyambut Hari Pekerja pada 29 Mei ini.

Dr Mahathir dalam majalah itu turut menegaskan bahawa kakitangan awam perlu memikirkan sumbangan mereka ke arah menjadikan negara ini dihormati di seluruh dunia.

-- BERNAMA

NN HK MAI